

**Sultan Johor Harap Mersing Laguna Angkat Mersing Jadi Bandar Pelancongan Terkenal**  
**Bernama**  
**14 April , 2012**

MERSING, 14 April (Bernama) -- Sultan Johor Sultan Ibrahim berharap projek ekopelancongan Mersing Laguna bernilai RM22 bilion akan menjadikan Mersing sebagai bandar pelancongan terkenal di mata dunia.

Titah baginda, sejak dibuka pada 1892, Mersing tidak membangun dengan pesat berbanding bandar lain di negeri ini sekalipun mempunyai kekayaan alam semula jadi termasuk pulau yang indah.

"Pada hari ini bandar Mersing hanya menjadi laluan dan tempat persinggahan pelancong untuk pergi ke pulau. Penduduk Mersing juga masih banyak bergantung kepada kegiatan ekonomi perikanan yang bermusim dan sumber pendapatan yang tidak menentu.

"Oleh yang demikian, sudah tiba masanya untuk rakyat Mersing berubah ke arah kehidupan yang lebih baik dengan sumber pendapatan yang lebih tinggi dan terjamin," titah baginda pada majlis pecah tanah projek pembangunan Mersing Laguna di Dataran Pulau, di sini.

Sultan Ibrahim bertitah projek Mersing Laguna itu akan membawa limpahan rezeki kepada penduduk dan mahu mereka mempersiapkan diri untuk merebut peluang pekerjaan dalam bidang pelancongan agar tidak lagi terus menjadi nelayan atau bergantung kepada bantuan kerajaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659061>